

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD

PINJAMAN SISWA 2022

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD (KPPKNK) amat perihatin terhadap masalah kewangan anggota-anggotanya . Sehubungan dengan itu KPPKNK telah bersetuju untuk menyediakan pinjaman siswa bagi setiap sesi pengambilan pelajar ke IPTA kepada anak-anak anggotanya. Nilai pinjaman adalah RM1,000 seorang. Bilangan permohonan adalah terhad kepada 25 orang sahaja bagi setiap sesi pengambilan. Pinjaman Al Qardhul Hasan ini hendaklah dibayar balik mulai bulan berikutnya selama 12 bulan selepas pengeluaran pinjaman.

Permohonan adalah dipelawa daripada anggota-anggota KPPKNK yang berkelayakan untuk memohon pinjaman siswa bagi pihak anak-anak mereka bagi sesi Jun 2022.

SYARAT-SYARAT PINJAMAN

- Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Diploma daripada mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan dengan kelulusan cemerlang.
- Diterima masuk tahun pertama bagi pengajian Ijazah Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan.
- Keutamaan diberi kepada anggota-anggota berpendapatan rendah dan ramai tanggungan.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh didapati di pejabat KPPKNK semasa waktu pejabat mulai 3 Julai 2022.

Semua permohonan yang lengkap bersertakan salinan kad pengenalan, penyata gaji terbaru, slip keputusan peperiksaan dan surat tawaran masuk IPTA yang disahkan hendaklah sampai ke alamat berikut pada atau sebelum: **17 Julai 2022**.

Tuan Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman Berhad
No.2 & 4, Taman Koperasi Kedah,
Jalan Tun Razak, 05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Catitan: Pemilihan dan jumlah sumbangan adalah tertakluk kepada budibicara dan keputusan Lembaga dan keputusan adalah muktamad.